

Harapan BN iwan semula cerah

KOTA BHARU: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Barisan Nasional (BN) mempunyai harapan untuk menawan kembali Kelantan daripada Pas berdasarkan sokongan rakyat negeri ini yang kian meningkat.

Perdana Menteri berkata, kesungguhan ditunjukkan rakyat negeri ini untuk berubah ke arah yang lebih baik, memberi harapan yang cerah kepada BN untuk merampas kembali negeri itu.

Katanya, menerusi peruntukan RM7.6 bilion yang disalurkan kepada Kelantan, beliau berharap rakyat negeri ini akan menyokong dan memberikan kerjasama dengan pembangunan yang dibawa Kerajaan Persekutuan.

"Walaupun Kelantan di bawah kuasa pembangkang, Kerajaan Pusat tetap menyediakan peruntukan yang banyak untuk pembangunan negeri demi rakyat.

"Harapan tetap ada. Saya ingat rakyat Kelantan sedia untuk membuat perubahan dan tindakan berhijrah minda serta sikap dan kedudukan itu yang paling pehnting," katanya selepas merasmikan penutupan Perkampungan Hadhari Kelantan 2006, di

Kompleks Sekolah-Sekolah, Wakaf Mek Zainab, di sini.

Terdahulu, Abdullah menerima Resolusi Konvensyen "Majlis Kemajuan Kelantan II: Pembangunan Kelantan Dalam Pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), daripada penasihat konvensyen itu, Datuk Dr Nordin Abdul Razak.

Dalam perkembangan lain, Abdullah berkata, Petronas dijangka menyiapkan pelan bersepadu pamba-

"Walaupun Kelantan di bawah kuasa pembangkang, Kerajaan Pusat tetap menyediakan peruntukan yang banyak untuk Pembangunan negeri demi rakyat"

Abdullah Ahmad Badawi

ngunan Koridor Pantai Timur merangkumi Kelantan, Terengganu dan Pahang Timur selewat-lewatnya akhir tahun ini.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, tindakan pihak tertentu yang terus mempertikaikan Islam Hadhari, dibuat bermotifkan politik semata-mata.

Selain itu Perdana Menteri berkata, rakyat perlu memanfaatkan pembangunan modal insan yang tidak hanya tertumpu kepada ilmu pengetahuan semata-mata tetapi mesti berhubung kait dengan pembentukan akhlak dan rohani.

Terdahulu, dalam ucapannya Abdullah melahirkan rasa kecewa terhadap pencemaran alam sekitar termasuk sungai yang berlaku di Hulu Kelantan.

Sementara itu, pada majlis perjumpaan dengan pegawai jabatan Persekutuan dan negeri di sini, malam tadi, Abdullah meminta kerajaan Pas Kelantan tidak melengahkan keluasan tanah bagi projek RMK-9.

Perdana Menteri berkata, kelewatan meluluskan tanah atau tapak projek menyebabkan pelaksanaan projek akan terjejas dan menimbulkan masalah kepada rakyat.

Katanya, kerjasama erat antara pentadbiran Kerajaan Pusat dan kerajaan Pas Kelantan perlu dilakukan bagi mencapai matlamat menjayakan pembangunan di negeri ini.

"Jika berlaku kelewatan, meluluskan tanah diperlukan, ini menyebabkan projek tergendala dan terlewat, dan akan beri kesan tidak baik.

"Inilah perkara yang kita perlu sama-sama fahami. Saya sudah tekankan kita mahu sama-sama memajukan Kelantan. Negeri ini tidak akan terbiar daripada arus pembangunan negara," katanya.

Abdullah berkata, menjadi tanggungjawab semua pihak untuk bekerjasama memastikan rakyat Kelantan mendapat faedah daripada projek yang akan dilaksanakan dan mengetahui rancangan yang hendak dijayakan memerlukan sokongan kerajaan negeri.

Sementara itu, Abdullah yang juga Presiden Umno, malam tadi melancarkan Program Gandingan Gemilang bagi mengukuhkan kekuatan Umno Kelantan dalam usaha merampas negeri itu daripada Pas.